



Apabila ragu-ragu, ingat petua Warren Buffet:

*"... Saya meminta agar pekerja bertanya diri mereka sama ada mereka bersedia untuk melihat sebarang tingkah laku yang mereka ingin lakukan muncul pada hari berikutnya di muka hadapan akhbar tempatan mereka – untuk dibaca oleh suami/isteri, anak dan rakan mereka – dengan laporannya ditulis oleh seorang wartawan yang mempunyai banyak maklumat dan ditulis dengan begitu kritikal."*

## Nilai Teras CTB

**Integriti dalam semua perkara**

**Keberuntungan adalah satu kemestian**

**Orang membawa perbezaan**  
**Pelanggan merupakan sebab kita wujud**

**Kecemerlangan dalam segala yang kita lakukan**

### Cara Melaporkan Kelakuan Menyalahi Undang-undang atau Tidak Beretika

1. Bercakap dengan penyelia anda atau ahli lain pihak pengurusan.
2. Hubungi CTB di 574-658-4191, dan bercakap dengan Director of Human Resources (Pegawai Sumber Manusia) atau Legal Department (Jabatan Undang-undang). Anda juga boleh menghubungi Jabatan Undang-undang melalui e-mel di [legal@ctbinc.com](mailto:legal@ctbinc.com).
3. Apabila anda tidak boleh atau tidak selesa menggunakan kaedah pelaporan di atas, hubungi Global Compliance (Pematuhan Global) di 800-261-8651 (A.S. dan Kanada) atau +001 704 752 9679 (semua negara lain) atau dalam talian di [www.brk-hotline.com](http://www.brk-hotline.com).



#### CTB, INC.

Sebuah Syarikat Berkshire Hathaway  
611 North Higbee Street  
P.O. Box 2000  
Milford, Indiana 46542-2000 U.S.A.  
Telefon 574-658-4191 • Faks 574-658-4133  
E-Mel: [legal@ctbinc.com](mailto:legal@ctbinc.com) • Web: [www.ctbinc.com](http://www.ctbinc.com)



SEBUAH SYARIKAT BERKSHIRE HATHAWAY

## Panduan Poket CTB bagi Etika dan Tatacara Perniagaan



- **Integriti dalam Semua Perkara**
- **Apakah Yang Diharapkan Daripada Anda**
- **Bagaimana untuk Melaporkan Kelakuan Menyalahi Undang-undang atau Tidak Beretika**



## Integriti dalam Semua Perkara

Semua kakitangan CTB dan pihak ketiga yang menjalankan perniagaan dengan CTB ("Individu") diharapkan agar mengendalikan diri mereka menurut standard undang-undang, moral dan etika yang tertinggi. Standard ini memerlukan pematuhan semua undang-undang tempatan, negeri, kebangsaan dan asing yang terpakai pada perniagaan CTB, serta mematuhi semua dasar dan prosedur CTB.

Risalah ini merupakan panduan rujukan ringkas bagi dasar yang dijelaskan dengan lebih terperinci dalam Code of Business Conduct and Ethics ("Code") CTB, (Tatalaku Perniagaan dan Etika) ("Kod") CTB (dan bahasa lain mungkin tersedia). Risalah ini tidak menggantikan Kod, dan individu adalah bertanggungjawab membiasakan diri masing-masing dengan Kod ini dan mempromosikan nilai, standard tingkahlaku CTB serta dasar dan garis panduan yang memberi kesan ke atas tanggungjawab pekerjaan mereka. Salinan Kod ini boleh didapati di laman Web kita atau melalui CTB Human Resources Department (Jabatan Sumber Manusia CTB).

Mana-mana Individu yang mempunyai maklumat mengenai kelakuan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika mempunyai tanggungjawab untuk segera melaporkan maklumat sedemikian.



## Apakah Yang Diharapkan Daripada Anda

Seseorang Individu yang didapati melanggar Kod ini adalah tertakluk pada tindakan disiplin, sehingga dan termasuk, dibuang kerja, penamatan kontrak dan/atau (di mana sesuai) dakwaan undang-undang oleh CTB dan/atau entiti kerajaan atau entiti lain.

Kelakuan berikut adalah **dilarang**:

- Berada di bawah pengaruh, menggunakan dan/atau memiliki alkohol dan/atau dadah terlarang di hartanah CTB.
- Mencuri, menipu, penggelapan wang, penyalahgunaan dan/atau penukaran hartanah CTB.
- Rasuah.
- Pemalsuan dokumen.
- Pemusnahan dokumen (kecuali dibenarkan oleh dasar CTB).
- Pendedahan maklumat sulit (kecuali dibenarkan oleh undang-undang).
- Penyalahgunaan, pendedahan atau pengedaran maklumat proprietari CTB atau pihak lain.
- Kegagalan menggunakan prosedur dan peralatan keselamatan.
- Gangguan dan/atau keganasan terhadap orang lain.
- Diskriminasi seseorang ahli kelas yang dilindungi di bawah undang-undang negeri atau tempatan A.S. yang terpakai.
- Menggunakan dengan salah atau penyalahgunaan sumber CTB.
- Konflik kepentingan.
- Ketidapatuhan terhadap undang-undang antitrust, persaingan dan/atau sekuriti.
- Ketidakjujuran, penyalahgunaan maklumat istimewa, memberikan gambaran salah fakta atau mana-mana amalan tidak adil lain.

Semua individu perlu berkelakuan pada setiap masa secara yang menggambarkan semangat dan hasrat dasar serta nilai CTB.

## Contoh Kelakuan Menyalahi Undang-undang dan Tidak Beretika

- Seseorang Individu memberikan seseorang yang lain wang (atau sebarang faedah lain) untuk mendapatkan kelebihan perniagaan yang tidak adil.
- Seseorang Individu menggunakan rangkaian CTB untuk melihat laman web yang tidak sesuai.
- Seseorang Individu menyatakan secara berlebihan bilangan jam mereka bekerja pada lembaran masa CTB.
- Seseorang Individu membuat jenaka dan/atau membuat komen yang menjengkelkan orang lain kerana sifatnya yang berbentuk seksual dan/atau perkauman.
- Seseorang Individu tidak mematuhi prosedur sekat masuk/tag keluar CTB.
- Seseorang Individu menjual produk CTB ke sesebuah negara yang melanggar undang-undang embargo A.S..
- Seseorang Individu menyerahkan laporan perbelanjaan CTB bagi item yang tidak pernah dibeli.
- Seseorang Individu membawa pulang bekalan pejabat milik CTB bagi kegunaan peribadi.
- Seseorang Individu terlibat dalam transaksi perniagaan bagi pihak CTB, di mana hubungan keluarga Individu dan/atau aktiviti di luar CTB mewujudkan keadaan yang kelihatan tidak betul.
- Seseorang Individu terlibat dalam tindakan dan/atau membuat kenyataan lisan ke arah seseorang yang secara munasabah boleh menyebabkan orang berkenaan merasa terancam, direndahkan dan/atau mewujudkan persekitaran kerja yang bermusuhan.